


(Gambar kanan)  
**CENDERAMATA:**  
Mantan Perdana  
Menteri, Tun  
Dr. Mahathir  
Mohamad  
menerima  
cenderamata  
berupa buku  
daripada  
Naib Canselor  
Universiti  
Malaysia Sabah



(UMS) Prof. Datuk Seri Panglima Dr.Kamaruzaman Haji Ampon sambil diperhatikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin setelah menyampaikan syarahan di Dewan Canselor universiti itu di Kota Kinabalu, kelmarin. Tun Mahathir menyampaikan syarahan bertajuk 'Sabah Dalam Konteks Sosio-Politik Malaysia' sempena Siri Syarahan Kinabalu yang dihadiri oleh lebih 5,000 orang pelajar UMS dan orang awam. Turut hadir ialah isteri Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd.Ali.

(Gambar atas) **SAMBUTAN:** Mantan Perdana Menteri, Tun Dr.Mahathir Mohamad dikerumuni oleh pelajar Universiti Malaysia Sabah untuk mendapatkan autograf beliau setelah menyampaikan ceramah bertajuk 'Sabah Dalam Konteks Sosio-Politik Malaysia' sempena Siri Syarahan Kinabalu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu, kelmarin. Lebih 5,000 orang terdiri daripada pelajar UMS dan orang awam membanjiri Dewan Canselor UMS untuk mendengar syarahan Dr.Mahathir. Turut hadir ialah Tun Dr.Siti Hasmah Mohamad Ali, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin dan Naib Canselor UMS Prof. Datuk Seri Panglima Dr.Kamaruzaman Haji Ampon.



(Gambar atas) **DENGAR SYARAHAN:** Sebahagian daripada lebih 5,000 pelajar dan orang awam membanjiri Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu untuk mendengar syarahan mantan Perdana Menteri, Tun Dr.Mahathir Mohamad yang bertajuk 'Sabah Dalam Konteks Sosio-Politik Malaysia'.